

02/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos 2009
1 Jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
NEGERI PERAK
2009**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 - 7


Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Kerja-kerja menyiapkan rumah yang terbengkalai itu akan _____ demi kebaikan penghuninya.
- A cepat
 - B dicepat
 - C dipercepat
 - D dipercepatkan
- 2 Pak Ali sangat sedih kerana pandangan beliau telah ditolak _____ oleh sebahagian besar ahli mesyuarat tersebut.
- A mentah-mentah
 - B hidup-hidup
 - C terang-terang
 - D jelas-jelas

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Pelajar _____ memberikan tumpuan terhadap penerangan guru jika ingin berjaya dengan cemerlang.
- A mesti
 - B harus
 - C boleh
 - D hendak

- 11 Lebu^Ah raya yang menghubungi bandar Karak dengan Kuantan telah terputus akibat kejadian tanah runtuh yang berlaku malam tadi. Tiada kesalahan.
D
- 12 Aidil menasihati isterinya agar jangan mudah terpengaruh dengan jualan murah yang sering diadakan di pusat membeli-belah di negara kita. Tiada kesalahan.
C D
- 13 Penyelaras program itu berharap agar setiap orang peserta perlu menggunakan masa dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan. Tiada kesalahan.
B C D
- 14 “Selesaikanlah masalah yang wujud di antara kamu berdua secara baik,” kata cikgu Rohani kepada kedua-dua muridnya. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Buah mangga di belakang rumah nenek sudah *masak*.
II Encik Murugan sudah *masak* akan perangai anaknya yang nakal itu.
III Pendapat yang dikemukakan oleh pemuda itu sangat *masak* dan sesuai.
IV Kakak Maria sedang *masak* air di dapur untuk menyediakan minuman petang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16 I Penjenayah itu telah *mengakhiri* riwayat hidupnya di dalam penjara.
II Rizal akan *mengakhiri* zaman bujangnya pada bulan Jun akan datang dengan gadis pilihan hatinya.
III Juruacara itu telah *mengakhiri* Mesyuarat Agung Koperasi Bemban dengan serangkap pantun.
IV Pak Abu yang *mengakhiri* keluar dari bilik kawalan pada pukul 5.45 petang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 17 I Bacaan suhu badan bayi itu *peningkatan* dengan tinggi pada waktu malam.
II Setelah mengikuti kem motivasi anjuran sekolah, berlaku *peningkatan* dalam keputusan peperiksaan murid-murid sekolah itu.
III Paras Sungai Semenyih mengalami *peningkatan* yang agak membimbangkan akibat hujan turun dengan lebat selama lima jam tanpa henti.
IV *Peningkatan* harga gula dan tepung baru-baru ini telah menyebabkan harga makanan serta minuman turut meningkat.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Kita harus bekerjasama menyelesaikan segala masalah demi untuk kepentingan semua
- A demi kepentingan semua
B sebab kepentingan semua
C untuk demi kepentingan semua
D demi untuk kepentingan semua
- 19 Hidangan kari kepala ikan yang kakak masak sangat sedap.
- A yang dimasak kakak
B kakak yang masak
C yang dimasak oleh kakak
D yang kakak masak
- 20 Harga ikan siakap yang dijual di pasar itu lebih mahal dari harga biasa.
- A lebih mahal dengan
B lebih mahal daripada
C lebih mahal pada
D lebih mahal dari
- 21 “Tema Cerpen Menatap Wajahnya ialah pengorbanan seorang guru terhadap anak muridnya,” terang Cikgu Siti kepada murid-muridnya.
- A adalah pengorbanan seorang guru terhadap anak muridnya
B ialah pengorbanan guru terhadap anak muridnya
C adalah pengorbanan seorang guru kepada muridnya
D ialah pengorbanan seorang guru terhadap anak muridnya

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 Encik Muthusamy ingin mendermakan sebahagian daripada wang bonusnya kepada Rumah Kebajikan Harmoni.**
- A Encik Muthusamy ingin mendermakan wang bonusnya kepada Rumah Kebajikan Harmoni.
 - B Sebahagian daripada wang bonus Encik Muthusamy telah didermakan kepada Rumah Kebajikan Harmoni.
 - C Rumah Kebajikan Harmoni akan menerima derma daripada Encik Muthusamy.
 - D Sebahagian daripada wang bonus Encik Muthusamy akan didermakan kepada Rumah Kebajikan Harmoni.
- 23 Penceramah jemputan itu menasihati kami agar terus berusaha dengan gigih jika ingin mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.**
- A Kami dinasihati oleh penceramah jemputan itu agar terus berusaha dengan gigih jika ingin mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.
 - B Kami menasihati penceramah itu agar terus berusaha dengan gigih jika ingin berjaya dalam kehidupan.
 - C Penceramah jemputan itu menginginkan kami berusaha gigih jika hendak mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.
 - D Penceramah jemputan itu menasihati kami agar tidak berusaha dengan gigih jika ingin mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.
- 24 Yang Dipertua PIBG itu telah menyampaikan ucapan sebelum merasmikan Majlis Ramah Mesra di dewan sekolah.**
- A Majlis Ramah Mesra itu dirasmikan oleh Yang Dipertua PIBG di dewan sekolah sebelum berucap.
 - B Ucapan perasmian Majlis Ramah Mesra itu disampaikan oleh Yang Dipertua PIBG di dewan sekolah.
 - C Yang Dipertua PIBG telah berucap dalam Majlis Ramah Mesra di dewan sekolah itu.
 - D Sebelum merasmikan Majlis Ramah Mesra itu, Yang Dipertua PIBG telah berucap di dewan sekolah.

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25**
- I Mereka telah meraikan Hari Guru dengan menghadiahi sebuah buku motivasi kepada guru kelas mereka.
 - II Kempen Kesedaran dan Keselamatan Jalan Raya yang dianjurkan oleh PDRM amat berguna kepada para pelajar.
 - III Peniaga kain itu pergi dari sebuah blok pangsapuri kepada blok pangsapuri lain.
 - IV Program Latihan Khidmat Negara mendapat sambutan hangat dalam kalangan lepasan SPM.
- A I dan III sahaja
 - B II dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- 26 I Ketua kelas 3 Bestari terlalu sibuk dengan tugasnya.
II Abang Zaki hendak pergi ke pasar malam.
III Aduh, sakit sungguh kaki kanan saya ini!
IV Adik sangat sukakan kucing itu.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 27 I Sekumpulan kerbau sedang berkubang di bawah pokok yang berdaun kurus itu.
II Azzrul menendang botol itu dengan kuat ke dalam longkang.
III Pendatang tanpa izin itu telah melepaskan diri ke dalam hutan di pinggir pantai.
IV Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan sedang menjalankan pemeriksaan kenderaan di Jalan Mahameru.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan berikut.

- 28 Peribahasa yang boleh dikaitkan dengan perasaan yang amat sedih atau kecewa ialah
- A sudah jatuh ditimpa tangga
B mencurahkan air di daun keladi.
C seperti kaca terhempas ke batu.
D seperti api dalam sekam.
- 29 Peribahasa berikut mempunyai maksud tidak dapat dipisahkan lagi.
- A Bagai pahat dengan penukul.
B Bagai api dengan asap
C Seperti anjing dengan kucing
D Bagai cincin dengan permata
- 30 Encik Harvin dan tiga orang rakan kongsinya bersungguh-sungguh mengusahakan ladang penternakan lembu daging di selatan tanah air. Mereka terus bersatu hati walaupun ada lembu yang mati akibat serangan sejenis penyakit. Keadaan ini ibarat
- A bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
B genggam bara api biar sampai jadi arang.
C jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
D biar putih tulang, jangan putih mata.

Soalan 31 - 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Matahari baru sahaja menjenguk di sebelah timur. Cahayanya pun belum sempat menghabiskan semua embun yang ada di hujung daun. Ketika itulah aku meninggalkan rumah dengan azam baru.

“Kamu lelaki, Mat. Mesti tabah. Mat Jenin abad dua puluh mesti berani!”

“Aku berhijrah untuk memburu kejayaan!” jerit hatiku.

Setelah aku menemui Cikgu Rosli, kami pun menaiki bas, menuju ke kota. Aku asyik melontarkan pandangan ke luar tingkap. Pokok-pokok dan rumah-rumah di kiri kanan jalan berlari-lari ke belakang.

“Jangan bersedih, Mat. Nabi pun berhijrah apabila diganggu orang musyikin di Makkah. Di Madinah, baginda mencapai kejayaan cemerlang,” kata Cikgu Rosli.

“Siapa tahu, di Kampung Kelapa Condong kamu diejek-ejek, tetapi di kota nanti kamu berjaya?”

Sebelum matahari tegak di atas kepala, kami sudah sampai di kota, dan langsung ke Restoran Selera Terbuka. Cikgu Rosli memperkenalkan aku kepada abangnya, Haji Sapudin. Orangnya pendek dan gempal. Kulitnya agak hitam. Bermisai nipis dan ada janggut sejempit. Air mukanya nampak mesra.

“Selamat datang ke kota!” ucap Haji Sapudin ketika menjabat tanganku.

Aku hanya tersenyum.

“Orang muda macam kamu boleh berjaya kalau berani mengharung cabaran di kota besar ini!” kata Haji Sapudin lagi.

“Insya-Allah, saya akan cuba!” Semangat di dalam dadaku makin menyala.

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen
“*Hikayat Mat Jenin*”, antologi Anak Bumi Tercinta,
Tingkatan 3, Dewan Bahasa Pustaka)

31 Apakah nasihat Cikgu Rosli kepada Mat Jenin?

- A Belajar bersungguh-sungguh sehingga lulus dengan cemerlang
- B Berusaha dan tabah untuk mengubah nasib hidup
- C Jangan mempedulikan ejekan rakan-rakannya
- D Berusaha dengan bantuan Haji Sapudin

32 Perwatakan yang dapat dikaitkan dengan Cikgu Rosli berdasarkan petikan di atas ialah

- A rajin
- B berani
- C prihatin
- D penyayang

- 33 Berdasarkan petikan, Mat Jenin berazam untuk
- A mengejar kejayaan
 - B menjadi pengusaha kilang kelapa
 - C mengembangkan perniagaannya
 - D melanjutkan pelajarannya

Matahari baru sahaja menjenguk di sebelah timur

- 34 Unsur gaya bahasa dalam petikan di atas ialah
- A simile
 - B metafora
 - C hiperbola
 - D personifikasi
- 35 Apakah peleraian cerpen Hikayat Mat Jenin?
- A Mat Jenin berjaya membuka restorannya sendiri.
 - B Haji Sapudin menyerahkan restorannya untuk diuruskan oleh Mat Jenin.
 - C Mat Jenin berjaya membuka sebuah lagi cawangan restorannya.
 - D Mat Jenin dan Cikgu Rosli menjadi rakan kongsi perniagaan

Soalan 36 – 40

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai

SYAIR MUNGKIR JANJI

Tuan berjanji berpegang tangan,
Mengaku bersama menyingsing lengan,
Tidak peduli tegah dan jangan,
Umpama sungai tiada berhalangan.

Tetapi akhirnya apalah sudah,
Beberapa lama tangan menadah,
Rupanya tuan meluahkan ludah,
Umpama biawak bercabang lidah.

Tidakkah ingat tuan berkata,
Mahu bersama hina dan leta,
Daripada hidup berputih mata,
Biarlah tulang tercampak ke kota.

Tidak kusangka tuan tak ingat,
Umpama lebah membuang sengat,
Bila terasa api yang hangat,
Lekas benar tuan merengat.

Kalau begitu aku berpesan,
Riwayat kita hapuskan kesan,
Supaya tidak berhati bosan,
Hilang segala resah dan resan.

Puisi Melayu Klasik, 1991.
Oscar Book International.

- 36 Berdasarkan rangkap kedua Syair Mungkir Janji, apakah sikap sahabat penyair yang dapat dilihat?
- A Seorang yang sering berdoa .
 - B Seorang yang sering menipu.
 - C Seorang yang telah berpaling tadah.
 - D Seorang yang telah melanggar perjanjian.

- 37 Baris kedua rangkap keempat syair menggunakan gaya bahasa
- A peribahasa.
 - B metafora.
 - C personifikasi.
 - D perlambangan.

**Daripada hidup berputih mata,
Biarlah tulang tercampak ke kota.**

- 38 Apakah yang dimaksudkan oleh penyair tentang baris di atas?
- A Sanggup mati daripada menghadapi kesedihan.
 - B Sanggup meninggalkan kampung daripada menanggung kekecewaan.
 - C Sanggup membunuh sahabat sendiri kerana kecewa.
 - D Sanggup melarikan diri kerana dihina.
- 39 Syair Mungkir Janji mengutarakan pengajaran
- A jangan mudah terpedaya.
 - B jangan mudah berasa kecewa.
 - C jangan cepat berasa sangsi.
 - D jangan cepat berubah hati.
- 40 Watak penyair dalam Syair Mungkir Janji ialah
- A panas baran
 - B pendendam
 - C pemurah
 - D pemaaf